



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PUSAT PEMBANGUNAN KRAF BETONG SEBAGAI PUSAT
PENGURUSAN SENI KRAFTANGAN TRADISIONAL**

Stiffany Mena Anak Empalie

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2014**

**PUSAT PEMBANGUNAN KRAF BETONG SEBAGAI PUSAT PENGURUSAN SENI
KRAFTANGAN TRADISONAL**

STIFFANY MENA ANAK EMPALIE

33127

**Projek Ini Merupakan Salah Satu Keperluan Untuk Ijazah Sarjana Seni Gunaan
Dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)**

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
Universiti Malaysia Sarawak
2014**

Isi Kandungan

Kandungan	Muka Surat
HALAMAN TAJUK	i
PENGESAHAN STATUS LAPORAN	ii
PENGESAHAN PENYELIA	iii
PERAKUAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
 BAB SATU : PENGENALAN	
PENDAHULUAN	1
DEFINISI	1-3
LATAR BELAKANG KAJIAN	4-11
HIPOTESIS	12
PERMASALAHAN KAJIAN	12
OBJEKTIF KAJIAN	13
SOALAN KAJIAN	13
LOKASI KAJIAN	14
KERANGKA KAJIAN	15-24
KEPENTINGAN KAJIAN	25
SKOP KAJIAN	25

BAB DUA : SOROTAN KESUSASTERAAN

PENGENALAN	26
KRAF TRADISIONAL	27-28
PEMBUATAN KRAF TRADISIONAL	28-29
BAHAN UNTUK MENGHASILKAN KRAF	29
TUKANG KRAF	30
PUSAT KRAF	30-31
STUDIO CRAFT	31

BAB TIGA : METODOLOGI PENYELIDIKAN

PENGENALAN	32
PEMERHATIAN	33
TEMUBUAL	33
DOKUMENTASI/CATATAN	34

BAB EMPAT : ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN

PENGENALAN	35
SEJARAH PENUBUHAN PUSAT PEMBANGUNAN KRAF	36-37
TUJUAN PENUBUHAN	38
OBJEKTIF PENUBUHAN	38
FUNGSI PUSAT KRAF	39-43
AKTIVITI PUSAT KRAF	43-46
DANA DAN SUMBANGAN	47-48

PEMELIHARAAN	48-50
SISTEM PENGURUSAN	50-58
PEMASARAN	59-65
KEWANGAN	65
BAB LIMA : KESIMPULAN DAN CADANGAN	
KESIMPULAN	66-72
CADANGAN	72
LAMPIRAN	73-75
GLOSARI	76
RUJUKAN	77

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of.....2014.

Student's Declaration:

I STIFFANY MENA ANAK EMPALIE, 33127, FACULTY OF APPLIED ARTS &

(PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the

work entitled PUSAT PEMBANGUNAN KRAF BETONG SEBAGAI PUSAT PENGURUSAN SENI KRAFTANGAN

TRADISIONAL is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

2014
Date submitted

STIFFANY MENA ANAK EMPALIE (33127)
Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I DR. ANNA DURIN (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that

the work entitled PUSAT PEMBANGUNAN KRAF BETONG SEBAGAI PUSAT PENGURUSAN SENI KRAFTANGAN

TRADISIONAL (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT) (PLEASE INDICATE THE DEGREE),

and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: DR. ANNA DURIN Date: 8 Mei 2014
(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
(8 Mei 2014)

Supervisor signature: _____
(8 Mei 2014)

Current Address:

RH UNTING NANGA SELA ULU LAYAR, 95700 BETONG, SARAWAK.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction. [The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk **“PUSAT PEMBANGUNAN KRAF BETONG SEBAGAI PUSAT PENGURUSAN SENI KRAFTANGAN TRADISIONAL”** telah disediakan oleh **STIFFANY MENA ANAK EMPALIE** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **(PENGURUSAN SENI)**

Diterima untuk diperiksa oleh:

(DR. ANNA DURIN)

Tarikh:

PENAKUAN

Saya mengaku bahawa Projek Tahun Akhir (PTA) yang bertajuk Pusat Pembangunan Kraf Betong sebagai pusat pengurusan seni kraftangan tradisional di Betong Sarawak adalah hasil daripada kerja saya sendiri dan terdapat sesetengah maklumat telah dipetik dari buku-buku. Saya juga telah menyatakan sumber maklumat yang digunakan tersebut dan mengolahnya dalam kajian ini.

(STIFFANY MENA ANAK EMPALIE)

No. Matrik: 33127

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr Anna Durin selaku penyelia saya yang telah banyak memberi nasihat, dorongan tunjuk ajar dan bimbingan serta kesabaran beliau sehingga menyiapkan projek ini. Pada masa yang sama, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada penduduk-penduduk di kawasan kajian saya terutamanya Pengurus dan pekerja Pusat Pembangunan Kraf Betong iaitu Puan Fatimah dan Puan Maureen yang telah banyak memberi kerjasama semasa kerja kajian dijalankan.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih turut diucapkan kepada kedua – dua ibu bapa saya yang banyak memberi sokongan dan dorongan sehinggalah kajian ini selesai. Tak lupa juga ribuan terima kasih diucapkan kepada rakan seperjuangan yang banyak membantu dan menasihati dalam menyelesaikan kajian ini.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung terutama rakan-rakan yang membantu saya di sepanjang proses menyiapkan kajian ini.

ABSTRAK

Kajian ini mengenai Pusat Pembangunan Kraf Betong sebagai pusat pengurusan seni kraftangan tradisional yang bertempat di Pusat Pembangunan Kraf Betong yang terletak di Lot 557, 95700 Betong, Sarawak. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti peranan Pusat pembangunan kraf Betong dengan mengkaji fungsi dan mengenalpasti aktiviti yang dijalankan serta mengenalpasti peranan pusat ini dalam melaksanakan inisiatif Kraftangan Malaysia. Tujuan kedua kajian ini dijalankan untuk mengkaji sistem pengurusan Pusat Kraftangan Betong yang digunakan untuk menguruskan produk dan pusat kraf. Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu pemerhatian, dan temu bual untuk tujuan pengumpulan data dan maklumat daripada pihak pengurus dan pekerja Pusat Pembangunan Kraf. Maklumat – maklumat yang diperolehi daripada informen telah mendapati bahawa maklumat objektif kajian ini dijalankan terdapat di pusat tersebut. ini membuktikan bahawa kajian ini telah selesai dijalankan.

ABSTRACT

The study of Betong Craft Development Centre as a center of traditional handicrafts management . The purpose of this study was to identify the role of Betong Craft Development Center by studying the function and identify the activities carried out and to identify the role of this center in the Malaysian Handicraft initiatives. The second purpose of this study to examine management system used to manage the product and craft center. The study was conducted entirely in Betong Craft Development Center located at Lot 557, 95 700 Betong, Sarawak.

The study was conducted using qualitative methods for data collection from both managers and employees Craft Development Center . The method chosen was qualitative observation, interviews and documentation or entry method used to record the information obtained in order not to lose and be read. Information derived from informan have found that the information objective of this study is available in the center. This proves that the study had been completed.

PUSAT PEMBANGUNAN KRAF BETONG SEBAGAI PUSAT PENGURUSAN SENI KRAFTANGAN TRADISIONAL.

BAB SATU

Pendahuluan

Kajian ini adalah tentang Pusat Pembangunan Kraf Betong Sebagai Pusat Pengurusan Seni Kraftangan Tradisional yang bertempat di Bahagian Betong, Sarawak. Perkara yang dikaji ialah sistem pengurusan Pusat Pembangunan Kraf di Betong. Pengurusan yang dimaksudkan ialah pengurusan dari segi pemeliharaan produk kraf, strategi promosi yang dijalankan untuk mempromosikan Pusat Pembangunan Kraf Betong sebagai pusat kraf dan aspek pengurusan dari segi pengurusan kewangan dan pengurusan pemasaran yang digunakan untuk memasarkan hasil kraftangan yang dibuat.

Definisi

Pengurusan

Pengurusan ialah proses pencapaian matlamat organisasi mengikut cara yang berkesan dan cekap. Ini dapat dilakukan melalui proses perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan sumber-sumber organisasi (Daft, 1997:8). Secara formal, organisasi ialah suatu entiti sosial yang berarahkan matlamat dan mempunyai struktur yang disengajakan (Daft, 1997:13). Ringkasnya, organisasi ialah sebuah badan atau persatuan yang melibatkan dua atau lebih manusia

untuk mencapai sesuatu matlamat yang tertentu dan untuk mencapai matlamat tersebut, pembahagian tugas akan dilakukan dalam kalangan ahli organisasi.

Pemeliharaan

Menurut Zainol Ismail Aidid (1995), pemeliharaan adalah merupakan istilah umum yang bermaksud segala proses yang terlibat untuk menjaga sesuatu tempat bagi tujuan memelihara kepentingan budaya. Tindakan pemeliharaan termasuklah perawatan dan mengikut keadaan tertentu termasuk pengekalan, pemulihan, pembangunan semula, dan penyesuaiguna. Pemeliharaan merupakan satu kaedah atau cara menjaga atau melindungi sesuatu yang diwarisi khususnya dari segi warisan kebudayaan.

Mohd Rosli (2009) telah memperincikan memelihara iaitu “ manusia perlu memelihara atau dengan kata lain menjaga, membela dan merawat sesuatu peninggalan atau warisan sesuatu bangsa. Manakala, memelihara pula merangkumi kerja – kerja memulihkan dan menjaga sesuatu supaya sentiasa berada dalam keadaan baik. Kedua – duanya adalah saling berkaitan ibarat kata pepatah ‘ bagai aur dengan tebing ’, ‘ bagai irama dengan lagu ’, dan ‘ bagai mata hitam dengan mata putih ‘.” (Mohd Rosli 2009:10).

Selain itu juga, Zakaria (1999) mengatakan bahawa “ perubahan yang disebabkan oleh tendeng terajang binatang yang bernama teknologi maklumat dalam dunia seni hanyalah imbasan pada suatu permulaan. Untuk terus mengekalkan, kita memerlukan banyak masa dan tenaga untuk memupuk benih perasaan jati diri,

mengenal akar umbi bangsa, menjadi penonton yang mahu menghargai warisan sendiri berdasarkan pelanggan yang munasabah. (Zakaria,1999)

Kraftangan

Kraftangan ialah karya penghasilan peralatan berguna atau hiasan dengan menggunakan tangan sepenuhnya atau perkakas ringkas sahaja. Ia juga dicipta berdasarkan rasa senang dan disertai oleh khayalan. Oleh itu, hasil kraftangan selalunya membawa kepentingan kebudayaan dan keagamaan. Perkembangan seni kraftangan telah menjadikan seni ini sebagai salah satu industri yang menguntungkan kepada masyarakat. Industri kraftangan ialah kerja-kerja penghasilan barangan kraf tradisional. Industri ini merupakan satu industri yang berpotensi besar untuk membantu meningkatkan tahap kehidupan masyarakat terutamanya masyarakat desa.

Menurut Akta 222-Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 mendefinisikan ‘keluaran Kraftangan’ membawa maksud apa – apa keluaran artistik yang mempunyai daya tarikan kebudayaan atau tradisional dan adalah hasil dari sesuatu proses yang bergantung semata – mata atau sebahagiannya kepada kemahiran tangan dan termasuklah apa – apa barang, walau bagaimanapun dihasilkan, yang mempunyai reka bentuk batik pada atau dimana – mana bahagiannya.

Latar Belakang Kajian

Perbadanan Kraftangan Malaysia

Semenanjung Malaysia terletak di hujung Benua Asia dengan tanah yang menganjur menyusuri Laut China Selatan dan Selat Melaka. Kedudukan geografi ini menjadikan Malaysia salah satu laluan perdagangan utama dunia. Menyusuri galur warisan kraftangan Malaysia faktor geografi ini berperanan membentuk keperibadian hasil ketukangan kraftangan negara. Pedagang-pedagang dari India, Asia Barat dan China membawa hasil dagangan bersama budaya yang kini mewarnai rupa bentuk kraf tanah air. Abad ke 19 pelbagai seni kraf berkembang di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perak.

Tukang-tukang kraf ketika itu bernaung di bawah pengaruh istana dan pembesar-pembesar negeri, menjadikan seni kraf tempatan tidak berkembang dan digunakan sebagai kegunaan istana semata-mata. Tahun 1930 sekumpulan pegawai awam Melayu dan Inggeris telah menubuhkan Persatuan Kesenian dan Pertukangan Melayu Kelantan. Buat pertama kalinya hasil kraf negara dipasarkan di bandar-bandar dan Singapura. Inilah detik perkembangan seni kraf tempatan.

Pameran tahunan yang diselenggarakan oleh Persatuan Pertanian dan Perkebunan Malaya (MAHA) memberi ruang pasaran kepada produk kraf. Program MAHA berkonsepkan astaka ini telah mengenengahkan demonstrasi kraf sebagai aktiviti utama. Negeri-negeri mula mengambil langkah memajukan seni kraf dengan bermulanya Negeri Kedah menubuhkan sekolah pertukangan untuk melatih penuntut dalam bidang kraf emas, perak, mengecap batik, tembikar dan tenunan. Kolej Sultan

Abdul Hamid, Kedah memulakan sekolah tenunan pada tahun 1935 dan 1959 sekolah tenun ditukar kepada Sekolah Latihan Gadis-Gadis.

Penubuhan Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (RIDA) memberi nafas baru kepada perusahaan kraftangan dengan menyalurkan bantuan kepada pengusaha-pengusaha luar bandar dalam bentuk kewangan, latihan kemahiran, bahan mentah dan saluran pasaran. Pada tahun 1966 Majlis Amanah Rakyat (MARA) ditubuhkan bagi meneruskan peranan RIDA dan di bawah MARA Pusat Kemajuan Pertukangan Tangan diwujudkan pada 1 Januari 1967.

Selain saluran bantuan pusat ini berperanan membuat penyelidikan teknik, rekabentuk dan rekacorak Tahun-tahun 70an industri plastik mula mewarnai pasaran dunia dan titik inilah bermulanya kesedaran dan penghargaan terhadap seni ketukangan tanah air. Maka tercetuslah semangat baru yang optimis terhadap karya-karya seni dimensi baru. Era baru perkembangan seni kraf ini menimbulkan semangat keusahawanan dan pada masa itulah tertubuhnya Lembaga Kraftangan Malaysia pada 14 Mei 1973.

Dalam usaha untuk terus meningkatkan industri kraf tempatan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia atau Kraftangan Malaysia telah ditubuhnya pada 1 Oktober 1979 di bawah akta 222. Kini Kraftangan Malaysia telah mencapai usia 34 tahun. Kraftangan Malaysia merupakan agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Ditubuhkan di bawah Akta 222, Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, tahun 1979 dan Akta A562 Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Pindaan) 1983.

Lembaga Pengarah Kraftangan Malaysia diketuai oleh Pengerusi, dan ahlinya yang terdiri daripada Timbalan Pengerusi, Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia dan wakil daripada agensi Kerajaan dan pihak swasta. Pentadbiran Kraftangan Malaysia diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh dua orang Timbalan Ketua Pengarah iaitu Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) bagi mencapai visi dan misi Kraftangan Malaysia selaras dengan objektifnya.

Visi

Menjadi pemimpin dalam pembangunan industri kraf negara yang kukuh dan berdaya saing.

Misi

Mengkomersialkan produk seni kraf melalui pembangunan pasaran, produk dan usahawan.

Objektif

- i. Meningkatkan kesedaran dan minat terhadap penggunaan produk kraf tempatan.
- ii. Membangunkan produk berkualiti yang berorientasikan pasaran
- iii. Memperluaskan saiz pasaran produk kraf
- iv. Menggalakkan pertumbuhan dan memajukan industri kraf
- v. Menyediakan tenaga terlatih mengikut keperluan industri kraf.

Jabatan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak

Jabatan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak atau lebih dikenali sebagai Pusat Pembangunan Kraf Sarawak telah beroperasi pada tahun 1978. Pusat ini adalah merupakan sebuah pusat yang menjalankan aktiviti pengeluaran produk kraf berasaskan bahan tekstil dan pusat jualan kraf. Antara bidang kraf yang terdapat di jabatan ini ialah tekstil, hasil rimba dan seramik. Pusat ini terletak di Lot 3075, Blok 18, Daerah Salak, Petra Jaya, Jalan Stadium 93050 Kuching Sarawak.

Bahagian Betong

Bandar Betong telah dinaiktaraf menjadi satu lagi bahagian di Sarawak pada 26 Mac 2002. Bahagian Betong merupakan pusat pentadbiran yang ke-11 dan terbaru daripada 11 bahagian pentadbiran Sarawak. Sebelum itu, Betong terletak di bawah pentadbiran Bahagian Sri Aman dan terletak di kawasan Saribas. Bahagian Betong mempunyai keluasan 4180.8 kilometer persegi sekaligus menjadikan bahagian ini merupakan bahagian pentadbiran yang terkecil di Sarawak. Kawasan Saribas sangat terkenal kerana kawasan ini dianggap sebagai pusat kebudayaan masyarakat Iban. Tindakan tersebut telah diberikan oleh Rajah James Brooke selepas kemenangannya menentang masyarakat Iban dan Skrang dan Saribas dalam Pertempuran Beting Maru pada 31 Julai 1849.

Bahagian Betong terdiri daripada dua daerah pentadbiran iaitu Betong dan Saratok. Jumlah penduduk bahagian ini seramai 99,800 orang. Penduduknya terdiri daripada pelbagai budaya dengan majoritinya masyarakat Iban bermesra dengan

Melayu dan Cina dalam hampir semua aktiviti sejak zaman pra-penjajah lagi. Pada masa kini, penduduk di bahagian Betong terdiri daripada masyarakat Melayu yang berjumlah 35,204 orang, masyarakat Iban berjumlah 24,010 orang dan diikuti masyarakat Cina seramai 4913 orang yang menjadikan jumlah keseluruhan masyarakat di Betong seramai 64,127 orang.

Pusat Pembangunan Kraf Betong

Pusat Pembangunan Kraf Betong merupakan sebuah pusat kayu, anyaman buluh, bemban dan pandan. Fokus utama penubuhan pusat ini adalah untuk menonjolkan lagi bengkel tenunan pua dan batik disamping mendaya majukan Pusat Pengeluaran Kraf Betong. Pusat ini juga menerima tempahan pua, batik dan hasil kraf yang lain.

Pua Kumbu

Tenunan kain pua atau dikenali juga sebagai tenunan ikat adalah seni tenunan yang dihasilkan kalangan masyarakat Iban di Sarawak. Kain tenunan ini bewarna kemerah-merahan atau coklat tua. Rekacorak yang biasanya digunakan ialah anak kunci, lengkar, rombus atau batu berlian dan panjang kain pua ini lebih kurang 40 cm hingga 50 cm. Rekacorak ini dipercayai dari pengaruh kebudayaan Annam (Vietnam) dalam abad ke-17 sebelum Masihi.

Pua kumbu juga dikenali sebagai kain selimut atau kain penutup yang merupakan tenunan asal daripada kaum orang Iban. Zaman dahulu, wanita Iban gemar membuat tenunan kain pua kumbu. Malah mereka juga pakar menenun tenunan seperti '*kain pandak*', '*baju burung*' dan juga '*sirat*'. Selain itu, wanita Iban dahulu sering membuat benang tenunan sendiri kerana pada masa tersebut belum ada benang tenunan yang khas untuk digunakan untuk menenun tidak seperti zaman sekarang.

Pua kumbu merupakan kain kapas yang berpola iaitu mempunyai pelbagai warna yang digunakan oleh kaum Iban, di mana ia dihasilkan dan digunakan khususnya di Sarawak. Pua kumbu ditunen oleh wanita Dayak dan dianggap sebagai objek yang suci. Ia juga digunakan dalam upacara dan peristiwa penting termasuk kelahiran anak, sampai usia, menerima barangan penting kepada rumah panjang, dan bagi tabir mayat yang diletakkan di rumah panjang sebelum pengkebumian.

Selain itu, pua kumbu juga sangat penting untuk menyambut "*antu pala*" yang merujuk kepada kepala, tengkorak atau hantu kepala milik kepada musuh yang berjaya dipenggal oleh suami atau kekasih mereka selepas keluar berperang atau memburu orang. Pua kumbu juga digunakan dalam upacara memandikan bayi, perkahwinan, ritual berkaitan "*ngayau*" dan semasa upacara kematian .

Di samping itu pada zaman dahulu, pua kumbu turut digunakan dalam upacara perubatan tradisional masyarakat Iban. Di mana ia dapat dijadikan sebagai perisai yang boleh melindungi atau melindungi "*manang*" atau bomoh yang menjalankan upacara perubatan daripada terkena musibah penyakit atau gangguan. Ia juga dipercayai mempunyai sisi mistiknya tersendiri di mana pua kumbu dapat menyembuhkan orang daripada sebarang penyakit yang dihadapi.

Lazimnya, pada zaman dahulu masyarakat Iban juga menjadikan pua kumbu ini sebagai pakaian tradisional mereka. Misalnya, bagi kaum wanita pua kumbu ini penting untuk dijadikan sebagai kain atau skirt dan untuk kaum lelaki pula ia dijadikan sebagai “baju burung” atau jaket dan juga “sirat” yang boleh dikenali sebagai kain cawat. Ini adalah penting bagi masyarakat Iban kerana ia melambangkan keunikan dan biasanya digunakan tidak mengira musim-musim yang tertentu bagi mereka.

Anyaman Bemban

Menurut web rasmi Perbadanan Kraftangan Malaysia cawangan Sarawak mendiniskan anyaman tikar bemban merupakan sinonim dengan masyarakat Iban. Anyaman tikar bemban 'bermotif' amat sinonim dengan masyarakat Iban. Keahlian pembuatan serta bilah yang digunakan menjadikan motif yang ditonjolkan amat unik dan bermakna. Ilham mimpi menjadikan motif yang ada pada anyaman tikar tersebut memberi pengertian kepada penganyam.

Apa yang pasti, tikar bemban memberi kesan yang sejuk kepada sesiapa yang menjadikan alas untuk tidur. Secara tradisi tikar bemban akan menjadi hamparan di setiap 'ruai' rumah panjang apabila ada sesuatu majlis 'randau' atau keramaian diadakan serta kepada hamparan kepada tetamu yang berkunjung ke rumah panjang.

Pokok bemban adalah sejenis tumbuhan liar yang terdapat di hutan berpaya dan banyak terdapat di Sarawak. Pada kebiasaannya adalah untuk membuat tikar dan bakul. Pokok bemban terdiri daripada 2(dua) jenis iaitu 'bemban air' (*Donax Arundastrum*) dan 'bemban batu' (*Donax Grandis*). Bemban air mempunyai daun

yang kecil serta batang yang lembut (mudah dibengkokkan). Manakala bemban batu mempunyai daun yang lebar serta batang yang keras (susah dibengkokkan)

Selain dikenali sebagai pokok bemban ianya turut dinamakan 'pokok siat' oleh masyarakat Dusun di Sabah. Pembuatan kraf yang sinonim kepada mereka adalah pelbagai bakul seperti 'belatak' dan 'takiding'. Hanya bemban air sahaja yang digunakan. Manakala di Semenanjung Malaysia bemban dipercayai digunakan untuk mencucuk atap, tali untuk bubu serta tali untuk mengikat hidung kerbau. Bemban yang digunakan adalah bemban air (lembut). Bemban ini juga dikenali sebagai 'bemban kicap'.

Hipotesis

Pusat kraftangan di Betong mempunyai beberapa jenis produk. Antaranya ialah anyaman bemban, produk kayu, anyaman buluh dan pandan. Pusat ini turut menghasilkan Pua Kumbu. Produk ini dapat dipromosikan dengan adanya strategi promosi yang lebih berkesan dan dapat dipelihara dengan kaedah dan langkah pemeliharaan yang teratur dan diuruskan dengan lebih professional. Pengurusan sistem pemasaran yang teratur dapat membantu Pusat Kraftangan Betong menjadi sebuah pusat pengeluaran, pengedaran dan tempat memasarkan produk kraftangan yang lebih dikenali oleh masyarakat umum disekitar Bahagian Betong.

Permasalahan Kajian

Pusat Kraftangan Betong merupakan sebuah pusat kraftangan yang menjalankan bengkel-bengkel kesenian untuk melatih sesiapa yang berminat terutamanya generasi baru. Pusat kraftangan itu juga mempunyai sistem pengurusan berkaitan dengan kewangan, bengkel kesenian, promosi dan lain-lain. Isu kajian ini ialah berkenaan pengurusan yang terdapat di pusat tersebut misalnya dari segi pemeliharaan produk, pemasaran produk dan strategi promosi untuk memperkenalkan lagi pusat ini kepada masyarakat umum.